

**Prosedur Standard Operasi (SOP) khusus untuk tapak pembinaan**

1. Majikan wajib memastikan perkara-perkara seperti berikut dipatuhi:
  - a. Majikan wajib mewujudkan QR Code MySejahtera khusus untuk setiap tapak pembinaan. Sekiranya tiada liputan internet, hendaklah mewujudkan Senarai Daftar atau secara manual (nama, no.telefon, tarikh dan masa) dan suhu.
  - b. Pekerja mendaftar kehadiran bertugas dengan menggunakan **MySejahtera** atau secara manual (nama, no.telefon, tarikh dan masa) dan suhu sekiranya kawasan tersebut tiada liputan internet.
  - c. Pekerja yang bergejala adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk bekerja dan dikehendaki untuk menjalankan ujian saringan Covid-19 di Klinik-klinik Kesihatan yang berdekatan.
  - d. Pekerja yang dikenalpasti sebagai *Person Under Surveillance* (PUS) adalah **TIDAK DIBENARKAN** bekerja sehingga mereka telah tamat tempoh kuarantin (serta diberikan *Release Order* oleh pihak kesihatan) dan selesai menjalani ujian saringan Covid-19 yang telah ditetapkan.
  - e. Pekerja **TIDAK DIBENARKAN** untuk makan secara berkumpulan tanpa penjarakan sosial semasa rehat dan sebagainya ditempat yang telah ditetapkan (dalam tapak pembinaan) oleh majikan.
  - f. Semua pekerja **DIWAJIBKAN MEMAKAI PELITUP MUKA DENGAN BETUL** di samping keperluan keselamatan lain ketika berada di tapak pembinaan.
2. Bagi tapak pembinaan yang telah dikenalpasti berisiko tinggi berdasarkan sistem *Hotspot Identification for Dynamic Engagement* (HIDE) perlu melaksanakan langkah-langkah berikut:
  - a. Melaksanakan proses sanitasi ke atas tapak pembinaan masing-masing.
  - b. Memperketatkan kawalan kemasukan ke tapak pembinaan.
  - c. Menghadkan jumlah kemasukan pekerja ke tapak pembinaan kepada hanya 25% kapasiti sahaja.
  - d. Memastikan hanya pekerja yang berstatus "risiko rendah" dibenarkan memasuki tapak pembinaan.
  - e. Memantau tahap kesihatan pekerja tapak pembinaan bagi tempoh 14 hari dan melaksanakan ujian Covid-19 sekiranya mereka menunjukkan tanda-tanda gejala Covid-19
  - f. Mematuhi arahan-arahan lain yang dikeluarkan oleh pihak kesihatan.